

Medan perang: Pandang serius pendedahan PM

UM 3 JAN 2003

KUALA LUMPUR 2 Jan. — Seluruh rakyat digesa memandang serius pendedahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengenai rancangan sebuah negara jiran mahu menjadikan Malaysia 'medan perang' bagi mempertahankan negara mereka.

Presiden Persatuan Bekas Polis Malaysia, Datuk Mansor Md. Jaafar berkata, rakyat perlu sedar perkara itu bukan satu momokan tetapi boleh berlaku sekiranya mereka terus leka daripada menunjukkan ketegasan mempertahankan maruah negara.

"Kita harap bukan Perdana Menteri sahaja memperlihatkan ketegasan tetapi setiap lapisan rakyat dan pemimpin termasuk pembangkang mengeluarkan nada yang sama dalam mempertahankan kedaulatan negara," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Semalam, Perdana Menteri mendedahkan negara jiran terbabit merancang menjadikan Malaysia 'medan peperangan' supaya perang tidak sampai ke negara mereka.

Dr. Mahathir membuat pendedahan itu sebagai mengulas ucapan tahun barunya yang menyebut mengenai sebuah negara bongkak yang mendakwa berhak mengambil tindakan 'pre-emptive' (pencegahan) dan 'forward defence' (mempertahankan diri dari awal) yang melibatkan Malaysia.

Dr. Mahathir menging-

atkan mana-mana negara yang cuba mencabul kebebasan Malaysia dengan tindakan 'pre-emptive' dan 'forward defence' akan menerima padah (a bloody nose).

Menurut Mansor, sejarah penjajahan sebelum ini membuktikan teori Perdana Menteri berasas kerana semua penjajah berusaha mengeksport perang ke negara lain iaitu di luar tanah air sendiri.

Niat

Katanya, perkembangan yang berlaku sejak kebelakangan ini menyeralahkan niat negara jiran terbabit.

Beliau mengingatkan mana-mana negara yang berhasrat menyerang negara ini supaya jangan mengambil mudah atas kemampuan Malaysia.

"Walaupun mereka mungkin mempunyai kelengkapan ketenteraan serba canggih tetapi jangan fikir ia boleh mengatasi

semangat yang mengalir dalam darah anak cucu pahlawan bangsa," tegasnya.

Mansor juga menggesa kerajaan meningkatkan kemampuan pertahanan negara dan menggalakan pemupukan semangat perpaduan di kalangan rakyat agar lebih berkeyakinan dalam mempertahankan maruah negara.

Sementara itu, Presiden Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM) Senator Datuk Muhammad Ghani menyokong ketegasan Dr. Mahathir yang mempertahankan negara dari sebarang pencerobohan asing demi menjaga keamanan dan keharmonian negara.

Beliau berkata, sikap negara terbabit yang berhasrat menjadikan negara ini sebagai medan perang menunjukkan mereka lebih mementingkan diri sendiri dan tidak menghormati jirannya.